

# Anggur Tasik Beris

Metro 14/7(2011) Ms. 6

*Tidak bermusim justeru pelancong boleh datang bila-bila masa untuk menikmati kemanisannya*

>>Teks dan gambar  
Mohd Rifaat Abd Hamid  
rencana@hmetro.com.my

**K**EDUDUKAN daerah Sik, Kedah yang dikelilingi bukit-bukau dan suasana tenang serta cuaca yang dingin menjadikan ia antara destinasi pelancongan pilihan pengunjung untuk bersantai.

Selain terdapat beberapa tempat pelancongan seperti air terjun, tasik dan hutan simpan, kewujudan Ladang Anggur, Tasik Beris antara tarikan terbaru pengunjung ke daerah ini.

Tasik Beris sebelum ini menjadi tumpuan kaki pancing. Kini situasi itu sudah berubah apabila pelancong membanjiri daerah ini untuk melihat dan membeli anggur yang segar.

Pengurus ladang, Khairul Ashraf Noor berkata, ladang itu mula beroperasi pada 2007 dengan keluasan 12 hektar dan ia ladang anggur terbesar di

negara ini.

Beliau berkata, ladang milik Excel Agrotech Sdn Bhd itu mempunyai 1,000 pokok di Ladang Tasik Beris dan 10,000 pokok lagi di Ladang Sungai Senam.

"Kami berusaha menambah 14,000 pokok anggur pada masa depan.

"Walaupun di negeri ini cuacanya agak panas dan hujan tidak menentu, hasil anggur di kawasan ini tetap manis dan segar dengan saiz sama seperti anggur di pasaran," katanya.

Menurutnya, terdapat empat jenis anggur ditanam iaitu black opal, black grape, white Malaga dan loose pelite.

Benih anggur diambil dari Jabatan Petanian Perlis.

Katanya, ladang ini ditanam secara tertutup, menggunakan jaring. Teknik tanaman secara tertutup itu digunakan supaya serangga ulat ratus tidak merosakkan pokok anggur.

"Tanaman anggur di sini tidak



**SEGAR...**juntaian anggur segar di ladang Anggur Tasik Beris menjadi daya tarikan baru.



**BERSIH...**anggur dibersihkan sebelum dipekot dan di pasarkan.

**MENARIK...**antara produk berasaskan buah anggur dihasilkan Excel Agrotech.



## >Info

■ Waktu lawatan: 9.30 pagi hingga 6.30 petang.

■ Bayaran: RM1.50 kanak-kanak dan RM3.00 dewasa.

■ Di buka setiap hari kecuali cuti Aidilfitri.

■ Pelancong yang melalui Lebuhraya Utara-Selatan boleh keluar di tol Gurun dan jaraknya dari situ kira-kira 50km.

mempunyai musim tertentu untuk dipetik, justeru pelancong boleh datang bila-bila masa untuk menikmati hasilnya," katanya.

Buat masa sekarang, pihaknya tidak dapat membekalkan anggur ke kawasan luar kerana hanya mampu untuk jualan di situ dengan purata jualan kira-kira 500 kilogram sehari.

"Melalui kajian dan penyelidikan Excel Agrotech Sdn Bhd, anggur di kawasan itu sentiasa berbuah bagi mengelak kehabisan stok," katanya.

Kewujudan ladang anggur ini menyebabkan daerah ini sering dikunjungi pelancong tempatan dan luar negara terutama Singapura, Thailand, Brunei, Filipina dan beberapa negara Eropah.

Selain menjual buahnya, syarikat itu turut menjual produk berasaskan anggur seperti jus, kordial, kismis dan kosmetik seperti losen, sabun mandi dan krim.

Sebarang pertanyaan bolehlah hubungi talian 04-4620466 atau [www.berislakegrapes.com.my](http://www.berislakegrapes.com.my).